



## **JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

### **SIARAN MEDIA**

#### **PENJELASAN MENGENAI ISU SOALAN POLITIK DI DALAM UJIAN BIASISWA JPA**

---

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia ingin menjelaskan bahawa isu yang dinyatakan oleh pihak media Malaysiakini mengenai soalan politik di dalam ujian biasiswa JPA adalah tidak berbangkit.

Adalah benar calon yang ingin memohon penajaan JPA perlu menjalani ujian Psikometrik sebagai satu proses penapisan kelayakan untuk mendapatkan tajaan. Walaubagaimanapun, soalan-soalan yang disediakan tidak bersifat politik, perkauman atau menyentuh isu-isu yang sensitif seperti yang dinyatakan. Soalan-soalan yang disediakan meliputi penilaian jati diri dan semangat cintakan Negara.

JPA juga sentiasa memastikan proses yang dilaksanakan dalam setiap Program Penajaan JPA mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan demi melahirkan pelajar yang cemerlang dan menyumbang khidmat bakti kepada Negara.

#### **Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia**

Tarikh : 22 Mei 2018  
Tel : 03 - 8885 3088 / 3830  
Emel : [komunikasi@jpa.gov.my](mailto:komunikasi@jpa.gov.my)  
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2( 8 )